

13/02/1997

DAP sokong usaha atasi kejahilan MSC

KUALA LUMPUR, Rabu - DAP hari ini menyatakan sokongannya kepada langkah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, untuk menjelaskan dengan lanjut kepada orang ramai mengenai projek Koridor Raya Multimedia (MSC).

Setiausaha Agungnya, Lim Kit Siang, berkata ramai di kalangan rakyat termasuk beliau sendiri pada permulaannya tidak faham mengenai MSC tetapi mula memahaminya selepas banyak bercakap mengenainya.

"Tindakan Dr Mahathir mengakui kejahilan mengenai MSC di kalangan umum semasa bercakap kepada pemberita selepas merakamkan ucapan Aidilfitri di Angkasapuri melegakan, kerana tidak dinafikan adanya kejahilan mengenai MSC di negara ini.

"Sebenarnya, adalah tidak salah menyatakan 99 peratus penduduk Malaysia tidak memahami MSC," katanya dalam kenyataan, di sini, hari ini.

Beliau berkata, tahap pengetahuan di kalangan ahli Parlimen mengenai MSC dan revolusi Teknologi Maklumat (IT) secara amnya juga terhad.

Menurutnya, juga boleh dipersoalkan berapa anggota Kabinet dan pegawai tinggi kerajaan yang sebenarnya memahami MSC. - Bernama

(END)